



# جابتن كواغن دان فرينداهاران نكري ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara

Kompleks Seri Negeri

Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh

75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333

Faks : 06-231 6489

Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Rujukan kami : JKPNMPENT.100-1/6/1(12)

Tarikh : 15 Januari 2020

Bersamaan : 19 Jamadilawal 1441H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab  
Negeri Melaka  
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk Seri/YBhg. Datuk Wira/ YBhg. Datuk /Tuan/Puan,

## SURAT EDARAN JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA – TATACARA PEMBAYARAN KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN BAGI PEGAWAI/PESARA PERKHIDMATAN NEGERI DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **Perintah Am Bab F yang berkuatkuasa pada Mac 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 (PP21/2009)** berhubung Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan telah menyatakan bahawa pada dasarnya, kemudahan perubatan percuma di hospital / klinik Kerajaan adalah layak diberikan kepada pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam.Persekutuan serta ahli keluarga yang berkelayakan. Pelaksanaan PP 21/2009 tersebut turut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri (PAN) dan telah digunapakai oleh Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu mengambil tindakan dan bertanggungjawab untuk perkara-perkara seperti berikut :-

- 2.1 Pegawai/Pesara PAN termasuklah tanggungan mereka yang berkelayakan adalah layak untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan di fasiliti KKM secara percuma. Walau bagaimanapun, pihak hospital/klinik kesihatan akan mengenakan caj sepertimana ditetapkan di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982/ Perintah Fi (Perubatan) (pindaan) 2017 dengan mengemukakan tuntutan bil pegawai/pesara PAN kepada pihak majikan;
- 2.2 Bagi pegawai/pesara PAN yang mengemukakan surat pengesahan diri dan pengakuan pegawai (Guarantee Letter)/kad pesara semasa mendaftar di kaunter pendaftaran hospital atau sebelum kemasukan ke wad adalah dikecualikan daripada peraturan membayar deposit kemasukan;
- 2.3 Bagi pegawai/pesara PAN yang hadir ke fasiliti KKM mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar di Jabatan Pesakit Luar Am/Pakar, bagi bil rawatan yang berjumlah RM51.00 ke bawah termasuklah bayaran caj lawatan RM1.00/RM5.00 yang mana berkaitan, mekanisme, '**pay and claim**' boleh dilaksanakan. Tuntutan bayaran balik melalui penggunaan **Panjar Wang Runcit (PWR)** adalah dibenarkan bagi tujuan ini;



- 2.4 Bagi pegawai Kerajaan gunasama lantikan Persekutuan yang berkhidmat di Jabatan Kerajaan Negeri seperti di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Perbendaharaan Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri yang mendapat rawatan fasiliti di KKM, kos rawatan perubatan pegawai berkenaan adalah ditanggung oleh Jabatan/PTJ di mana pegawai berkhidmat. Pihak hospital/klinik kesihatan akan mengemukakan tuntutan bayaran kepada Jabatan/PTJ di mana pegawai berkhidmat ; dan
- 2.5 Bagi bil rawatan pesara PAN, KKM akan mengemukakan tuntutan bayaran kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan menjadi tanggungjawab majikan terakhir pegawai berkhidmat untuk menjelaskan tuntutan bil tersebut.
3. Semua bil tuntutan yang diterima perlu dibayar dengan kadar segera. Bagi tujuan pembayaran semua Jabatan/PTJ perlu menyatakan nama hospital yang membuat tuntutan diruangan perihal baucer bayaran sistem SPEKS seperti berikut :-

***Perihal : Hospital Jasin – no.invois/bil/tarikh invois/bil – nama pesakit***

4. Ketidak patuhan kepada perkara di para 3 akan menyebabkan baucer bayaran dikuiiri oleh pihak Bendahari. Pekeliling ini boleh juga dimuat turun melalui laman web Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka di alamat portal [www.jkpnm.melaka.gov.my](http://www.jkpnm.melaka.gov.my).
5. Segala kerjasama dan perhatian YB Datuk Seri/YBhg.Datuk Wira/YB Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Pegawai di Unit Perkhidmatan Operasi ditalian 06-2307 589/2307 590/ 2307 662 / 2307 441.

Sekian, terima kasih.

**“MELAKA BERWIBAWA”  
“PINTAR, HIJAU, BERSIH”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATUK HANAFI BIN SAKRI)  
Pegawai Kewangan Negeri  
**MELAKA**

s. k : YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka – Untuk makluman

**Senarai Edara Jabatan Negeri Melaka**

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka.  
(u.p : Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)  
(u.p : Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)  
(u.p : Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Unit Dewan dan MMKN)
2. Setiausaha Sulit TYT Yang Dipertua Negeri.  
Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri,  
**Melaka.**
3. Pengarah Pertanian,  
Jabatan Pertanian Negeri,  
**Melaka.**
4. Pengarah,  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri,  
**Melaka.**
5. Pegawai Daerah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah,  
**Melaka.**
6. Pegawai Daerah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah,  
**Melaka.**
7. Pegawai Daerah,  
Pejabat Daerah dan Tanah Jasin,  
**Melaka.**
8. Pengarah,  
Jabatan Pengairan dan Saliran,  
**Melaka.**
9. Pengarah,  
Jabatan Hutan,  
**Melaka.**
10. Jurutera Daerah,  
Jabatan Kerja Raya, (Ibu Pejabat).  
**Melaka.**
11. Jurutera Daerah,  
Jabatan Kerja Raya Melaka Tengah,  
**Melaka.**

12. Jurutera Daerah,  
Jabatan Kerja Raya Alor Gajah,  
**Melaka.**
13. Jurutera Daerah,  
Jabatan Kerja Raya Jasin,  
**Melaka.**
14. Ketua Penolong Pengarah,  
Cawangan Mekanikal,  
Jabatan Kerja Raya,  
**Melaka.**
15. Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Negeri,  
**Melaka.**
16. Pengarah,  
Jabatan Kebajikan Masyarakat,  
**Melaka.**
17. Pengarah,  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar,  
**Melaka.**
18. Pengarah,  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,  
**Melaka.**
19. Y.A.A Ketua Hakim Syarie  
Mahkamah Syariah Negeri,  
**Melaka.**
20. Sahibus Samahah Mufti,  
Jabatan Mufti,  
**Melaka.**
21. Pengurus Besar,  
Unit Promosi Pelancongan,  
Jabatan Ketua Menteri **Melaka.**
22. Pengurus Besar,  
Tabung Amanah Pendidikan Negeri,  
Jabatan Ketua Menteri **Melaka.**
23. Pengarah,  
Jabatan Pendakwaan Negeri **Melaka.**
24. Pengarah,  
Jabatan Perikanan, **Melaka.**

**SENARAI EDARAN DALAMAN**

1. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
2. Bendahari Negeri
3. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Bajet dan Pinjaman)
4. Pegawai Pelaburan Negeri
5. Ketua Penolong Bendahari Negeri
6. Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Khidmat Pengurusan)
7. Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Perolehan dan Pengurusan Aset)
8. Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Hasil)
9. Penolong Bendahari Negeri
10. Pegawai Tadbir (Pengurusan Kewangan dan Pemberian Dalam Negeri)
11. Pegawai Tadbir (Belanjawan dan Pinjaman)
12. Pegawai Tadbir (Pengurusan Amanah dan Pemantauan Audit)
13. Akauntan (Pelaburan)
14. Pegawai Teknologi Maklumat